



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN


KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) / Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) / Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Negeri Sarawak UPKJ) dalam gred/kelas, kategori/tajuk/kepala, pengkhususan/tajuk kecil/subkepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Tender	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KERJA-KERJA PENGGANTIAN SEMBILAN (9) UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TAMAN SRI SERIGAI, PUTATAN, SABAH (NO TENDER: KPKT/BPJ/UB/T/9/2024)	Terbuka T1	CIDB Gred : G6/G7 Kategori: ME Pengkhususan: M03 Atau PUKONSA Kelas : A Tajuk : III Tajuk Kecil : 2 dan Sijil PPK CIDB Atau UPKJ Kelas : A/B Kepala : V Subkepala : 4 dan Sijil PPK CIDB Serta Sijil Firma Yang Kompeten (FYK) dari : Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Hanya Petender yang hadir dan berdaftar sewaktu Lawatan Tapak dan Taklimat Tender akan diberi pautan untuk memuat turun Dokumen Tender bermula daripada 9 Julai 2024 (Selasa) hingga 23 Julai 2024 (Selasa)	RM300.00 Dikehendaki mengeluarkan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Draf yang dibuat atas nama Ketua Setiausaha KPKT Tidak akan dikembalikan (Hendaklah dikemukakan bersama Dokumen Tender)	Unit Kontrak Dan Ukur Bahan, Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 7, No.51, Presint 4, 62100 Putrajaya 1 Ogos 2024 (Khamis) 12.00 Tengah Hari
Taklimat Tender dan Lawatan Tapak Adalah <u>DIWAJIBKAN</u>. Berkumpul di Dewan Serbaguna PPR Taman Sri Serigai, Putatan, Sabah pada 4 Julai 2024 (Khamis) jam 9.00 Pagi.						
Tender ini mensyaratkan bahawa hanya <u>PENAMA</u> yang tercatat di dalam <u>Sijil PPK dan SPKK/PUKONSA/UPKJ</u> sahaja yang <u>dibenarkan</u> untuk menyertai Taklimat Tender dan Lawatan Tapak . Sila bawa bersama salinan sijil (<u>PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ</u>) semasa lawatan tersebut.						

*Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan


SR SAHARUDIN BIN HILMI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PROJEK : KERJA-KERJA PENGGANTIAN SEMBILAN (9) UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SRI SERIGAI, PUTATAN, SABAH

NO. TENDER : KPKT/BPJ/UB/T/9/2024

Nota Penting :

1. Hanya petender yang hadir Lawatan Tapak dan Taklimat Tender pada 4 Julai 2024 pada jam 9.00 pagi sahaja akan diberi pautan untuk memuat turun Dokumen Tender.
2. Petender perlu menghantar Dokumen Tender secara POS atau SERAHAN TANGAN SAHAJA sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari pada 1 Ogos 2024 (Khamis). Dokumen Tender yang diserahkan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan, atas sebarang sebab dan alasan tidak akan dipertimbangkan.
3. Penyerahan Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (hardcopy).
4. Setiap petender hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) Dokumen Tender sahaja. Sekiranya didapati terdapat petender yang mengemukakan melebihi dari satu (1) Dokumen Tender, kesemua Dokumen Tender tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Tender.
5. Petender yang berhasrat untuk menyertai tender ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen petender akan ditolak.
6. Petender juga perlu mengemukakan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Draf yang dibuat atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Dokumen Tender yang dikemukakan. Sekiranya tiada, Dokumen Tender tersebut akan ditolak dan tidak disenaraikan dalam Jadual Tender.
7. Petender juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang maklumat perubahan/tambahan Dokumen Tender sepanjang tempoh perolehan/sehingga tarikh tutup tender di laman sesawang KPKT.

Dokumen Tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan tender serta tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Tender.

Jika Dokumen Tender tidak diserahkan secara serahan tangan, Petender hendaklah menghantar Dokumen Tender dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar ke alamat yang berikut:

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Aras 7, No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
(u/p : Sr Saharudin bin Hilmi)



SR SAHARUDIN BIN HILMI

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan